BANK ISLAM

**TERMS AND CONDITIONS FOR WAFIYAH INVESTMENT ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN WAFIYAH**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 1st October 2019 / Berkuat kuasa 1 Oktober 2019***

**IMPORTANT NOTICE:**
**THIS IS AN INVESTMENT ACCOUNT PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING/ALLOCATED ASSETS, AND IS NOT A DEPOSIT PRODUCT.**

**CUSTOMERS ARE ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE SUBSCRIBING FOR ANY PRODUCTS OR SERVICES AND/OR PARTICIPATE IN ANY OF THE CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.**

**NOTIS PENTING:**
**INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.**

**PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK.**

## 1.0 DEFINITION

In these terms and conditions, unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below:

**"Wafiyah Investment Account"** or **"Wafiyah"** means this Investment Account product offered by the Bank based on the Shariah contract of Wakalah.

**"Bank"** means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 98127-X), a company incorporated in Malaysia with its registered office at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

**"IFSA"** means the Islamic Financial Services Act 2013 and includes any amendments thereto.

**"Investment Account"** means an account under which money/principal is placed and accepted for the purposes of investment, including for the provision of finance, in accordance with Shariah on terms that there is no express or implied obligation to repay the money in full and –

(a) either only the profits, or both the profits or losses, thereon shall be shared between the person paying the money and the person accepting the money; or

(b) with or without any return.

## 1.0 DEFINISI

Di dalam terma-terma dan syarat-syarat, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:

**"Akaun Pelaburan Wafiyah"** atau **"Wafiyah"** bermaksud produk Akaun Pelaburan ini yang ditawarkan oleh Bank berdasarkan prinsip Shariah iaitu Wakalah.

**"Bank"** bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 98127-X), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

**"IFSA"** bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuklah apa-apa pindaan yang dibuat terhadapnya.

**"Akaun Pelaburan"** bermaksud suatu akaun di mana wang yang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, selaras dengan prinsip Shariah dengan terma yang nyata atau tersirat bahawa tiada sebarang obligasi atau tanggungjawab untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan –

(a) sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, yang akan dikongsi di antara orang yang membayar wang dan orang yang menerima wang itu; atau

(b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan.

# TERMS AND CONDITIONS FOR WAFIYAH INVESTMENT ACCOUNT

*(Not protected by PIDM)*

# TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN WAFIYAH

*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 1st October 2019 / Berkuat kuasa 1 Oktober 2019***

**"Investment Account Holder"** or **"IAH"** means the account holder of an Investment Account.

**"Investor Suitability Assessment Form"** means the assessment form to assess the suitability of the prospective IAH on the Investment Account product unless otherwise exempted by the appropriate authority.

**"Product Disclosure Sheet"** or **"PDS"** means the product disclosure sheet which contains the relevant information and disclosure of the main terms of the relevant Investment Account product.

**"Unrestricted Investment Account"** means a type of Investment Account where the investment account holder provides the Bank with the mandate to make the ultimate investment decision without specifying any particular restrictions or conditions.

**"Wakalah"** means a contract in which a party *(muwakkil)* authorises another party as their agent *(wakil)* to perform a particular task, in matters that may be delegated, either voluntarily or with imposition of fee.

**"Wakalah Bil Istithmar"** means a form of *wakalah* contract (or agency contract) entered into for the purpose of investment.

**"Pemegang Akaun Pelaburan"** atau **"IAH"** bermaksud pemegang akaun bagi Akaun Pelaburan**.**

**"Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur"** bermaksud borang penilaian untuk menilai kesesuaian bakal Pemegang Akaun Pelaburan bagi produk Akaun Pelaburan.

**"Lembaran Maklumat Produk"** atau **"PDS"** bermaksud lembaran yang mengandungi maklumat-maklumat yang berkaitan dan pendedahan tentang terma-terma utama bagi produk Akaun Pelaburan yang berkaitan.

**"Akaun Pelaburan Tidak Terhad"** bermaksud sejenis Akaun Pelaburan di mana IAH memberikan mandat penuh kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu**.**

**"Wakalah"** bermaksud suatu kontrak di mana pihak (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas yang tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan bayaran tertentu.

**"Wakalah Bil Istithmar"** bermaksud satu bentuk kontrak *wakalah* (atau kontrak agensi) yang dimeterai untuk tujuan pelaburan.

## 2.0 OPENING OF ACCOUNT

2.1 Any application to open Wafiyah shall be made by using the prescribed form together with the relevant documents as may be requested by the Bank.

2.2 Individuals who have attained the age of at least 18 years are eligible to open an individual or a joint Wafiyah account.

2.3 Unless otherwise exempted, any application to open Wafiyah shall be accompanied by a duly completed Investor Suitability Assessment Form.

2.4 By making an application to open Wafiyah, the IAH confirms that he/she has read and understood the PDS related to Wafiyah.

2.5 The acceptance and continuance of Wafiyah shall be entirely at the discretion of the Bank.
The tenure of the investment for any placement using cheque will commence upon the cheque clearance.

2.6 By executing the application form for the opening of account ("the Product") and/or performing his/her biometric scanning at Bank Islam, the IAH hereby agrees to appoint Bank Islam as an investment agent to invest IAH's placement in an Investment Account based on the Shariah contract Wakalah (elected representatives) as deemed appropriate by Bank Islam. Any profits generated from the investments will be paid according to the conditions set by Bank Islam.

## 2.0 PEMBUKAAN AKAUN

2.1 Sebarang permohonan untuk membuka Wafiyah hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang diminta oleh Bank.

2.2 Individu yang telah mencapai usia sekurang-kurangnya 18 tahun layak untuk membuka Akaun Wafiyah individu atau bersama.

2.3 Permohonan untuk membuka Wafiyah hendaklah disertakan dengan satu Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur yang lengkap melainkan jika dikecualikan.

2.4 Dengan membuat permohonan untuk membuka Wafiyah, IAH mengesahkan bahawa dia telah membaca dan memahami Lembaran Maklumat Produk yang berkaitan dengan Akaun Wafiyah.

2.5 Penerimaan dan penerusan Wafiyah adalah tertakluk sepenuhnya di atas budi bicara Bank.
Tempoh pelaburan yang menggunakan cek hanya akan bermula setelah cek tersebut dijelaskan.

2.6 Dengan menandatangani borang permohonan pembukaan akaun ("Produk") dan/atau membuat imbasan biometrik kepada Bank Islam, Pelanggan dengan ini bersetuju untukc) Melantik Bank Islam sebagai agen pelaburan untuk melaburkan wang IAH ke Akaun Pelaburan berdasarkan kontrak Syariah iaitu Wakalah (melantik wakil) seperti mana yang difikirkan sesuai oleh Bank Islam. Sebarang keuntungan yang dijana dari pelaburan tersebut akan dibayar berdasarkan kepada syarat –syarat yang telah ditetapkan oleh Bank Islam.

BANK ISLAM

**TERMS AND CONDITIONS FOR WAFIYAH INVESTMENT ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN WAFIYAH**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 1st October 2019 / Berkuat kuasa 1 Oktober 2019***

## 3.0 JOINT ACCOUNT

The following terms and conditions shall apply to a joint-account:-

a) the liability of the joint accountholder to the Bank shall be joint and several;
b) If either one of the joint accountholders should die or become insolvent, the surviving or solvent accountholder shall be entitled to hold, as a trustee, of the deceased / insolvent's portion from the remaining balance in the account and the Bank shall be entitled to continue to act in accordance with the instructions signed by the surviving or solvent accountholder without any liability to the accountholder or heirs of the joint accountholders;
c) should the Bank receive any ambiguous or conflicting instructions from the joint accountholders, the Bank shall be entitled not to act to any or both of the instructions or the Bank shall be entitled to act as it deems fit, without any liability to the joint accountholders.
d) any amendment to this mandate shall require the signatures of the joint accountholders. Any request to close the account will be treated as valid and acceptable by the Bank if it is signed by all the joint accountholders.

## 3.0 AKAUN BERSAMA

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu akaun bersama:

a) liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank adalah secara bersama dan berasingan;
b) jika salah seorang daripada pemegang akaun bersama meninggal dunia atau menjadi tidak solven/muflis, pemegang akaun yang masih hidup / solven secara langsung menjadi pemegang amanah untuk bahagian si mati / tidak muflis terhadap baki di dalam akaun dan pihak Bank berhak untuk terus bertindak mengikut arahan yang ditandatangani oleh pemegang akaun yang masih hidup / solven tersebut, tanpa apa-apa liabiliti kepada pemegang akaun atau waris kepada pemegang akaun bersama;
c) sekiranya pihak Bank menerima apa-apa arahan tidak jelas atau bercanggah dari pemegang akaun bersama, pihak Bank berhak untuk tidak bertindak dengan apa-apa atau kedua-dua arahan atau Bank berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkannya patut, tanpa apa-apa liabiliti kepada mana-mana pemegang akaun bersama.
d) apa-apa pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada pemegang akaun bersama. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank jika ia ditandatangani oleh semua pemegang akaun bersama.

## 4.0 PARTNERSHIP ACCOUNT

The following terms and conditions shall apply to a partnership account:

a) The liability of the joint accountholder to the Bank shall be joint and several;
b) If any of the partners to the partnership dies or is adjudicated bankrupt or the firm is dissolved with or without reason whatsoever, the remaining balance in the account shall be divided/distributed based on the partnership agreement (i.e. the partnership agreement in the Bank's record) or if no partnership agreement is entered be divided or distributed based on the court's order or order by any other appropriate authority who has the authority over distribution of the estate or at the Bank's discretion is payable to the remaining partners, as the trustee for the deceased heirs, with any fraction which the Bank's deem appropriate subject to the Bank's prevailing policies.
c) Any instruction issued pertaining to the operation of the partnership account shall remain enforceable until it is revoked in writing without taking into consideration of any amendments made to the constitution or the firm's name and it is applicable without taking into consideration of the firm's membership affected by the death of the partner, bankruptcy and retirement or with the entry of the new partner.

## 4.0 AKAUN PERKONGSIAN

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu akaun perkongsian:

a) Liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank adalah secara bersama dan berasingan;
b) Jika salah seorang daripada rakan kongsi kepada perkongsian meninggal dunia atau menjadi muflis atau firma dibubarkan dengan atau tanpa sebab, baki jumlah di dalam akaun perkongsian Pelanggan akan dibahagikan mengikut perjanjian perkongsian oleh rakan kongsi (iaitu perjanjian perkongsian yang berada di dalam simpanan pihak Bank) atau sekiranya tiada perjanjian perkongsian dimasuki, dibahagikan secara sama rata atau mengikut pembahagian yang dinyatakan di dalam perintah Mahkamah atau badan yang berkuasa bagi urusan pembahagian atau mengikut budibicara pihak Bank adalah patut dibayar mengikut sebarang pecahan yang dirasakan sesuai kepada rakan kongsi yang masih hidup sebagai pemegang amanah untuk waris si mati dan juga tertakluk kepada polisi semasa pihak Bank.
c) Apa-apa arahan yang diberikan untuk pengoperasian akaun perkongsian akan kekal berkuatkuasa sehingga ianya dibatalkan secara bertulis tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam perlembagaan atau nama firma dan adalah terpakai tanpa mengambil kira perubahan dalam keahlian firma samada akibat kematian, kebankrapan dan persaraan atau dengan kemasukan rakan kongsi yang baru.
d) Sekiranya pihak Bank menerima apa-apa arahan tidak

d) If the Bank received any ambiguous or conflicting instructions from the partners and/or the authorised signatories of the partnership account, the Bank is entitled not to act based on any of the instructions or to proceed accordingly as it deems fit, without any liability to the partners and/or authorised signatories of the partnership account.

e) Unless agreed otherwise by all partners, any amendment to the mandate would require agreement and signature from all partners. Any request to close the account will be deemed valid and acceptable by the Bank if it is agreed and signed by all partners.

jelas atau bercanggah daripada mana-mana Pelanggan atau penandatangan sah akaun tersebut, pihak Bank berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkannya patut atau tidak bertindak terhadap mana-mana arahan, tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana rakan kongsi dan/atau penandatangan sah akaun perkongsian tersebut.

e) Melainkan dipersetujui sebaliknya oleh kesemua rakan kongsi, sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua rakan kongsi. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank jika ia ditandatangani oleh semua rakan kongsi.

## 5.0 AUTHORISATION

All cheques, Banker's cheques, Bank's drafts, Negotiable Islamic Debt Certificate, money orders, postal orders, warrants and other instruments invested which have been dishonoured shall be returned by hand or by registered post to the IAH's address last registered with the Bank at the IAH's risk and expenses. Save for negligence on the part of the Bank, the Bank shall not be responsible or liable for any unauthorised entries in the IAH's account. The IAH shall therefore carefully examine the entries in the account and notify the Bank of any errors, irregularities, discrepancies, claims or unauthorized debits or items whether made, processed or paid as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whatsoever. Failure by the IAH to notify the Bank in writing of the non-receipt of the statement or failure to notify the Bank in writing of any errors, discrepancies, irregularities or unauthorized claims, debits or transactions in the statement within fourteen (14) calendar days from the date of the statement (whether or not received by the IAH), the records on the statement shall be conclusive evidence that transaction(s) stated in the said statement is/are properly carried out and the IAH shall be deemed conclusively to have accepted all matters contained in the statement as true and accurate in all respects. Any disputes as to the transactions brought to the Bank's notice after the said fourteen (14) calendar days shall not be entertained by the Bank.

## 5.0 KEBENARAN

Semua cek, cek juruBank, draf Bank, Sijil Hutang Islam Boleh Niaga, kiriman wang, wang pos, waran dan sebarang surat cara melabur yang tidak laku akan dikembalikan dengan tangan atau melalui pos berdaftar ke alamat Pelanggan yang terakhir yang didaftarkan dengan Bank di atas risiko dan perbelanjaan Pelanggan . Melainkan terdapat kecuaian pada pihak Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemasukan atau catatan (entry) yang tidak dibenarkan di dalam akaun Pelanggan. Pelanggan hendaklah berhati-hati semasa memeriksa catatan di dalam akaun dan memaklumkan kepada pihak Bank tentang apa-apa kesilapan, ketaksamaan, percanggahan, tuntutan atau debit tanpa kebenaran atau butiran yang samada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, tiada kebenaran, kecuaian atau selainnya oleh mana-mana orang sekalipun. Kegagalan oleh Pelanggan untuk memberitahu pihak Bank secara bertulis tentang kegagalan menerima penyata atau gagal memberitahu Bank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan, ketaksamaan atau tuntutan, debit atau urusniaga tanpa kebenaran pada penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata (samada diterima atau tidak oleh Pelanggan), Rekod dalam penyata adalah keterangan muktamad bahawa urus niaga yang dinyatakan di dalam penyata tersebut telah dijalankan dengan betul dan Pelanggan dianggap dengan muktamad telah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata itu sebagai benar dan tepat dalam semua hal. Apa-apa pertikaian tentang urusniaga yang dikemukakan untuk perhatian Bank selepas tempoh empat belas (14) hari tersebut tidak akan dilayan oleh Bank.

## 6.0 INVESTMENT ACTIVITIES

6.1 Wafiyah is an Unrestricted Investment Account product that is based on the Shariah contract of Wakalah.

6.2 Under Wafiyah, the IAH as the muwakkil or principal authorises the Bank as wakil or agent to undertake investment activities and in return the Bank will receive agency fee for the services provided. However, the Bank hereby agrees to waive such agency fee.

6.3 If the IAH is not present to redeem the investment at maturity date, the Bank shall regard that the IAH has given consent to the Bank to renew the investment automatically and appoint the Bank as wakil for the

## 6.0 AKTIVITI PELABURAN

6.1 Wafiyah merupakan produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad yang berasaskan prinsip Shariah iaitu Wakalah.

6.2 Di bawah Wafiyah, IAH sebagai *muwakkil* atau prinsipal memberi kuasa kepada Bank sebagai wakil atau ejen untuk mengusahakan aktiviti pelaburan dan sebagai balasan Bank akan menerima bayaran agensi untuk perkhidmatan yang disediakan. Walau bagaimanapun, Bank dengan ini bersetuju untuk mengetepikan fi agensi tersebut.

6.3 Jika IAH tidak hadir untuk menebus pelaburan pada tarikh matang, Bank sebagai wakil menganggap bahawa IAH telah memberikan kebenaran kepada Bank untuk memperbaharui pelaburan secara automatik dan melantik Bank sebagai

subsequent investment. With this appointment, the action is deemed as transactional/ operational activity by the IAH for the renewal of investment.

6.4 The IAH acknowledges that he/she fully understands the risks associated with Wafiyah including the possibility to incur financial losses in whole or in part of his/her capital investment in Wafiyah.

**7.0 PROFIT PAYMENT**

7.1 Any profits derived from the investment activities, if any, shall be paid by the Bank to the IAH in accordance with the expected profit rate or actual profit rate determined by the Bank from time to time. Please refer at www.bankislam.com.my.

7.2 The calculation of profits shall be determined by the Bank and may be referred by the IAH at www.bankislam.com.my.

7.3 The profits, if any, shall be paid at maturity or such other interval as set out in the PDS.

7.4 If the investment shall have suffered a loss, the Bank shall pay to the IAH the amount equivalent to the investment amount less the loss incurred.

7.5 Any loss or erosion of the principal investment amount shall be borne solely by the IAH except for the loss which is due to or arising from any act of misconduct, negligence or breach of specific terms by the Bank.

7.6 In the event of the Bank's (as agent for IAH) misconduct, negligence or breach of specified terms which result in a lower profit rate than the expected profit rate of such investment or loss or erosion of the principal investment amount, the Bank shall compensate (if any) the IAH where the compensation payable will be determined based on the Bank's mechanism, regulatory requirements, and/or prevailing laws, whichever is applicable.

**8.0 INVESTMENT OBJECTIVES AND STRATEGIES**

Wafiyah shall be governed by the investment objectives and strategies as set out in the PDS.

**9.0 FEES AND CHARGES**

9.1 No penalty charges will be imposed for any pre-mature redemption.

9.2 Unless expressly stated herein, the IAH agrees that the Bank shall be entitled to charge a fee for any of its services provided to the IAH at the rates imposed by the Bank (as approved by Bank Negara Malaysia) and as set out in the Bank's website. The Bank shall have the right to debit the IAH's account for the said charges.

wakil untuk pelaburan yang berikutnya. Dengan pelantikan ini, tindakan itu disifatkan sebagai suatu aktiviti transaksi / operasi oleh IAH bagi pembaharuan pelaburan.

6.4 IAH mengakui bahawa dia telah memahami sepenuhnya segala risiko yang berkaitan dengan Wafiyah termasuk kemungkinan untuk mengalami kerugian kewangan secara keseluruhan atau sebahagian daripada pelaburan modal di dalam Wafiyah tersebut.

**7.0 BAYARAN KEUNTUNGAN**

7.1 Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti pelaburan, jika ada, hendaklah dibayar oleh pihak Bank kepada IAH mengikut kadar keuntungan yang dijangkakan atau kadar keuntungan sebenar yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Sila rujuk laman web Bank Islam, www.bankislam.com.my.

7.2 Pengiraan keuntungan akan ditentukan oleh Bank dan boleh dirujuk di laman web Bank Islam, www.bankislam.com.my.

7.3 Keuntungan, jika ada, adalah dibayar pada tarikh matang atau pada jangka masa seperti yang dinyatakan di dalam PDS.

7.4 Jika pelaburan tersebut mengalami kerugian, Bank hendaklah membayar kepada IAH jumlah yang bersamaan dengan jumlah pelaburan tolak kerugian yang ditanggung.

7.5 Sebarang kerugian atau pengurangan jumlah prinsipal pelaburan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh IAH kecuali dan melainkan kerugian yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada apa-apa perbuatan salah laku, kecuaian atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank.

7.6 Sekiranya berlaku salah laku, kecuaian atau pelanggaran syarat-syarat oleh pihak Bank (sebagai wakil IAH) yang menyebabkan kadar keuntungan yang lebih rendah daripada kadar keuntungan dijangka bagi pelaburan tersebut atau kehilangan atau pengurangan jumlah pelaburan pokok, Bank hendaklah memberi pampasan (jika perlu) kepada IAH di mana pampasan yang perlu dibayar akan ditentukan tertakluk kepada mekanisma pihak Bank, peruntukan pihak pengawasan, dan/atau undang-undang sedia ada, mana-mana yang terpakai.

**8.0 OBJEKTIF PELABURAN DAN STRATEGI**

Objektif dan strategi Wafiyah adalah seperti yang dinyatakan di dalam PDS.

**9.0 YURAN DAN CAJ**

9.1 Tiada caj penalti akan dikenakan untuk sebarang penebusan pramatang.

9.2 IAH bersetuju bahawa Bank berhak untuk mengenakan bayaran yuran atau caj bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada IAH pada kadar yang ditentukan oleh Bank (seperti mana yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia) dan seperti yang dinyatakan di laman web Bank. Pihak Bank berhak untuk mendebitkan akaun IAH bagi tujuan caj tersebut melainkan yang dinyatakan di sini.

**TERMS AND CONDITIONS FOR WAFIYAH INVESTMENT ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN WAFIYAH**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 1st October 2019 / Berkuat kuasa 1 Oktober 2019***

**10.0 VALUATION METHOD AND FREQUENCY**

10.1 Valuation shall be carried out in line with the recognition and measurement criteria of the applicable Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS"). The IAH may refer to the information pertaining to the Investment Account at www.bankislam.com.my.

**11.0 INVESTMENT REDEMPTION AND SUSPENSION**

11.1 The IAH may redeem the investment at maturity where the IAH may receive the principal investment amount together with his/her profit payment (if any) arising from the investment activities undertaken by the Bank.

11.2 The IAH may reinvest the available principal investment amount together with the profit from this investment for such further tenure with the expected profit rate as may be determined by the Bank.

11.3 The IAH may receive a sum of less than their initial investment if IAH redeems all of the investment before its maturity depending on the market value of the underlying/allocated asset of which the IAH's investment is linked to at the point of the premature redemption.

11.4 The IAH will receive a lower profit rate in the event of premature redemption.

11.5 No partial redemption of the investment before its maturity is allowed by the Bank.

11.6 Profit payment for premature redemption will apply the actual profit rate or the expected profit rate prorated based on the actual number of completed days, whichever is lower (if any).

11.7 Notwithstanding the foregoing or anything contained herein, the Bank shall have the right to suspend any redemption of Wafiyah under any of the following circumstances:-

(a) market wide failure or financial/economic crisis which includes but not limited to stock market crash or asset-price crash;
(b) exceptional operational failure such as wide-scaled black-out or system failure;
(c) underlying/allocated assets shall not be capable of being liquidated at appropriate price;
(d) the IAH's interest will be at jeopardy if redemption is not suspended; or
(e) any other event or circumstances which the Bank may at its reasonable discretion determine.

**12.0 PLEDGE AS SECURITY**

Wafiyah may be pledged as security for the performance or discharge of any obligation or any liability of the IAH to the Bank hereunder, where applicable. Otherwise, the account shall not be pledged or charged for any other reasons whatsoever.

**10.0 KAEDAH PENILAIAN DAN KEKERAPAN**

10.1 Penilaian akan dilaksanakan selaras dengan pengiktirafan dan pengukuran kriteria Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). IAH boleh memperolehi maklumat berkaitan Akaun Pelaburan dari laman web Bank Islam di www.bankislam.com.my.

**11.0 PELABURAN PENEBUSAN DAN PENGGANTUNGAN**

11.1 IAH boleh menebus pelaburan pada tempoh matang di mana IAH boleh menerima jumlah pelaburan pokok bersama-sama dengan bayaran keuntungan (jika ada) hasil daripada aktiviti pelaburan yang dijalankan oleh Bank.

11.2 IAH boleh melabur semula jumlah pelaburan pokok yang ada bersama dengan keuntungan daripada pelaburan ini bagi tempoh yang sama dengan kadar keuntungan yang dijangka sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

11.3 IAH boleh menerima jumlah yang kurang daripada pelaburan awal mereka jika IAH menebus semua pelaburan sebelum tarikh matang bergantung kepada nilai pasaran aset sandaran / yang diperuntukkan di mana pelaburan dikaitkan pada masa penebusan.

11.4 IAH akan menerima keuntungan yang lebih rendah jika berlaku pengeluaran pramatang.

11.5 Penebusan separa sebelum tarikh matang adalah tidak dibenarkan oleh Bank.

11.6 Pembayaran keuntungan untuk penebusan pramatang akan menggunakan kadar keuntungan sebenar atau kadar keuntungan secara pro rata berdasarkan jumlah sebenar hari yang lengkap, yang mana lebih rendah (jika ada).

11.7 Walau apa pun yang tersebut di atas atau apa-apa yang terkandung di dalam terma ini, Bank hendaklah mempunyai hak untuk menggantung mana-mana penebusan Wafiyah di bawah mana-mana hal atau keadaan yang berikut:-

(a) kegagalan pasaran yang luas atau krisis kewangan / ekonomi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kejatuhan pasaran saham atau kejatuhan harga aset;
(b) kegagalan operasi yang luar biasa seperti bekalan elektrik terputus (*blackout)* berskala lebar atau kegagalan sistem;
(c) sandaran / aset yang diperuntukkan tidak akan mampu menjadi jumlah tertentu pada harga yang sesuai;
(d) kepentingan IAH berada pada keadaan bahaya jika penebusan tidak digantung; atau
(e) apa-apa kejadian atau keadaan di mana Bank boleh mengikut budi bicara yang munasabah.

**12.0 CAGARAN SEBAGAI SEKURITI**

Wafiyah boleh dicagarkan sebagai sekuriti bagi perlaksanaan atau pelunasan sebarang obligasi atau liabiliti IAH kepada Bank, mengikut keperluan. Jika tidak, akaun itu tidak akan dicagarkan atau dengan sebarang sebab yang lain.

**13.0 FREEZING AND CLOSING OF ACCOUNT**

13.1 The Bank may freeze and/or place appropriate tagging on the IAH's account whatsoever upon receipt of the notice of death, insanity, Bankruptcy, and winding-up or upon being served with order from the court or any relevant authorities or enforcement agencies.

13.2 In the event that the Bank suspects the IAH's account is being used for or implicated in fraud, potential fraud, financial crimes, illegal activities and money laundering, the Bank shall, (subject to the extent permitted by law) issue a written notice to the IAH requesting for the IAH to explain and confirm on the said transactions. If the IAH fails to provide an explanation to the Bank or the explanation given, in the Bank's opinion, is unsatisfactory, the Bank reserves the right to close, freeze or otherwise deal with the IAH's account as the Bank deems fit.

13.3 The Bank may also close/terminate the account upon occurrence of any of the following events:

i) The Customer is insolvent or in liquidation; or
ii) Cheque deposit is returned or dishonoured; or
iii) Withdrawal by the Customer of all or part of the deposit amount placed; or
iv) The Customer commits breach of any of the terms and conditions herein; or
v) The Customer does not accept any alteration and amendment to the terms and conditions, and the provision under Clause 9.2; or
vi) Instruction from any law enforcement agencies; or
vii) Any other events which the Bank deems appropriate.

**14.0 DISCLOSURE OF INFORMATION**

14.1 The Bank will not reveal personal data of the IAH including address, telephone number or email address to any external party other than parties listed below (the *"*Authorised Parties*")* other than for the Purpose connected with the operation of the IAH's account, unless the Bank has the IAH's permission, or is under either a legal obligation or any other duty to do so:-

a) any officer, employee, agent or director of Bank Islam Group which includes the holding company(s) of the Bank, its subsidiaries, associated companies, affiliates, representatives and branch offices;
b) relevant third parties such as professional advisers, strategic business partners and alliances, service providers, insurers/ Takaful operator or insurance/ Takaful brokers, outsourced agents, merchants, vendors, business partners and business agents who supports the operational activities of the Bank and whom are under legal obligation to the confidentiality of your data;
c) any actual or potential participants or assignee,

**13.0 PEMBEKUAN DAN PENUTUPAN AKAUN**

13.1 Bank boleh membekukan dan/atau meletakkan tanda yang sesuai pada akaun Pelanggan apabila menerima notis kematian, hilang akal, muflis, dan Bankrap atau apabila disampaikan perintah daripada mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan.

13.2 Sekiranya Bank mengesyaki bahawa akaun Pelanggan terlibat di dalam sebarang kes penipuan, penipuan yang disyaki, jenayah kewangan, aktiviti yang menyalahi undang-undang dan pengubahan wang, Bank hendaklah, (tertakluk kepada sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang) mengeluarkan suatu notis bertulis kepada Pelanggan untuk meminta penjelasan dan pengesahan berkenaan transaksi tersebut. Jika pemegang akaun gagal memberikan penjelasan atau penjelasan yang diberikan itu kurang memuaskan pada pandangan Bank, Bank berhak untuk menutup, membekukan atau mengambil tindakan terhadap akaun Pelanggan itu sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank.

13.3 Pihak Bank juga boleh menutup/ menamatkan akaun tersebut jika berlaku mana-mana perkara berikut:

i) Pelanggan muflis/tidak solven atau di dalam proses penggulungan; atau
ii) Deposit cek dipulangkan atau dikembalikan; atau
iii) Pelanggan mengeluarkan kesemua Amaun Deposit yang telah didepositkan; atau
iv) Pelanggan melanggar mana-mana peraturan dan syarat-syarat yang telah dipersetujui; atau
v) Pelanggan tidak bersetuju pada sebarang perubahan atau pindaan pada mana-mana terma dan syarat ini, dan peruntukan dibawah Klausa 9.2; atau
vi) Arahan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang.
vii) Mana-mana keadaan lain yang dirasakan sesuai oleh pihak Bank.

**14.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT**

14.1 Bank tidak akan mendedahkan data peribadi Pelanggan termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel kepada mana-mana pihak luar yang lain daripada pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan") selain daripada untuk tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun Pelanggan, melainkan jika Bank mendapat kebenaran daripada Pelanggan atau sama ada terletak di bawah tanggungjawab undang-undang atau sebarang kewajiban lain untuk berbuat demikian:-

(a) mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Kumpulan Bank Islam yang merangkumi syarikat induk Bank, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu, wakil dan pejabat cawangan;
(b) pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans / pengendali Takaful atau insurans / Broker takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang berada di bawah kewajiban undang-undang untuk kerahsiaan data anda;
(c) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau

novatee or transferee of the Bank's rights and/or obligations under any transaction between the Bank and you (or any agents or professional advisers);

d) any rating agency or direct/ indirect provider of credit protection to the Bank;

e) any party as required by any law or any government, quasi-government, administrative, regulatory/ supervisory body or authority, court or tribunal;

f) any credit reference agency that the Bank uses for credit assessment or credit review of you and parties related to the facilities provided by the Bank to you;

g) any financial crime reference agencies, other financial institutions and any of their respective agents;

h) any guarantor or collateral provider for your facilities.

14.2 The IAH agrees and understands that the information provided by the IAH is subject to the terms and conditions governing the relationship between the IAH and Bank Islam including but not limited to the provision on how Bank Islam may use and share the said information so provided by the IAH.

14.3 The IAH further acknowledges that the information contained in this form including the information regarding the IAH and any reportable account(s) may be shared with the tax authorities of the country/jurisdiction in which this account(s) is/are maintained and/or exchanged with any tax authorities of another country/jurisdiction or countries/jurisdictions in which the IAH may be the tax resident pursuant to intergovernmental agreements in which Bank Islam has obligation to exchange any account information.

14.4 The IAH hereby expressly consents to such disclosure and hereby confirms and declares that the terms contained therein shall be subject to the Privacy Statement in connection with the Personal Data Protection Act 2010 signed with the Bank and in the event of any inconsistency between the terms contained herein with the terms as set out in the Privacy Statement, the terms in the Privacy Statement shall prevail.

**15.0 INSTRUCTIONS**

Any instructions given by the IAH to the Bank in respect of Wafiyah shall be in writing and signed by the IAH and shall only be effective from the date the complete written instruction is received by the Bank.

**16.0 REPRESENTATION AND WARRANTIES**

16.1 The IAH acknowledges that the opening of Wafiyah has not been entered into in reliance wholly or partly on any representation or warranties made by or on behalf of the Bank except for representations or warranties that are

pemegang serah hak, *novatee* atau penerima pindahan hak-hak dan / atau kewajipan Bank di bawah apa-apa transaksi antara pihak Bank dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional);

(d) mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung / tidak langsung perlindungan kredit kepada Bank;

(e) mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan / penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal;

(f) mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank;

(g) sebarang agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing;

(h) mana-mana penjamin atau pembekal cagaran bagi kemudahan pembiayaan.

14.2 Pelanggan bersetuju dan memahami bahawa maklumat yang diberikan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal hubungan antara Pelanggan dan Bank Islam termasuk tetapi tidak terhad kepada peruntukan tentang bagaimana Bank Islam boleh menggunakan dan berkongsi maklumat yang diberikan oleh Pelanggan.

14.3 Pelanggan mengakui bahawa maklumat yang terkandung dalam borang ini termasuk maklumat mengenai Pelanggan dan sebarang akaun yang boleh dilaporkan boleh dikongsi dengan pihak berkuasa cukai negara / bidangkuasa dimana akaun ini diselenggara, dimiliki dan / atau dipertukar dengan mana-mana pihak berkuasa cukai negara / bidangkuasa lain atau negara / negara dimana Pelanggan boleh menjadi pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan dimana Bank Islam mempunyai kewajiban untuk membuat pertukaran terhadap apa-apa maklumat akaun.

14.4 Pelanggan dengan ini bersetuju secara nyata pendedahan tersebut dan dengan ini mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Kenyataan Privasi yang berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang ditandatangani dengan Bank dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma-terma yang terkandung di sini dengan terma-terma yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi, terma-terma dan syarat-syarat di dalam Kenyataan Privasi akan digunapakai.

**15.0 ARAHAN**

Sebarang arahan daripada Pelanggan kepada Bank berkenaan dengan Wafiyah hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pelanggan. Arahan-arahan tersebut hanya berkuatkuasa apabila diterima oleh pihak Bank.

**16.0 PERWAKILAN DAN JAMINAN**

16.1 Pelanggan mengakui bahawa pembukaan Wafiyah telah tidak dibuat dengan bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya kepada sebarang perwakilan atau jaminan yang dibuat oleh atau bagi pihak Bank kecuali perwakilan

expressly set out in these terms and conditions.

16.2 The IAH hereby represents and warrants for the benefit of the Bank that it has and shall at all times, throughout the duration of the savings have the legal capacity to enter into the transaction contemplated herein, and will cause all necessary corporate resolutions and authorities to be made and/or passed to ensure that the person who purport to enter into this transaction on its behalf are able to commit it in accordance with this terms and conditions.

**17.0 BANK'S LIABILITY**

17.1 The IAH(s) shall indemnify the Bank as a collecting Bank from any loss which the Bank may incur by reason of its guaranteeing any endorsement, discharge on any cheque, bill, note, draft, dividend warrant or other instrument presented by the IAH(s) for collection and every such guarantee given by the Bank shall be considered to have been given at the IAH's(s') expressed request in every case.

17.2 The IAH(s) agrees that the Bank shall not be responsible and shall fully indemnify the Bank and hold the Bank harmless for/against all losses, costs and expenses which may be incurred by the IAH(s) or by the Bank in connection with any, or all of the Banking accounts on the execution by the Bank of any instruction or if any of the IAH's banking account or any part thereof is reduced or frozen by any government or official authority.

17.3 The IAH(s) further agrees that when the Bank accepts or incurs liability at the IAH(s) request, for any fund or securities and other valuables deposited with the Bank (whether deposited by way of security, safe custody or for any other specific purpose) belonging to the IAH(s) it maybe taken as security by the Bank and the Bank shall have the right to hold it as a security to the Bank and the Bank shall have the right to retain such funds or securities or any part thereof and even dishonour the IAH(s) cheque until the liability is settled.

**18.0 MISCELLANEOUS**

18.1 Wafiyah shall further be governed by and subject to the rules, regulations and guidelines issued by the Bank Negara Malaysia or any other relevant authorities from time to time. The IAH agrees that the services currently and/or at any time offered by the Bank to IAH shall be dependent upon and subject to the said rules, regulations and guidelines.

18.2 The Bank reserves the right to vary any or all the terms and conditions at any time. Any such variation shall be communicated to the IAH at least 21 calendar days prior to the effective date of such variation. The notice of variation may be communicated by way of display of such notices in the Bank's premises or website or advertised or by any other modes of communication as the Bank may deem fit.

18.3 If there is any change in the IAH's personal information for e.g. address or other personal information, the IAH should notify the Bank immediately. This is important to

atau waranti yang dinyatakan dengan jelas dalam terma dan syarat ini.

16.2 Pelanggan mengaku dan memberi jaminan untuk faedah Bank bahawa ia mempunyai dan akan pada setiap masa bagi tempoh simpanan mempunyai kapasiti undang-undang untuk membuat transaksi yang dimaksudkan di sini, dan akan menyebabkan semua resolusi korporat dan pihak berkuasa untuk dibuat dan / atau diluluskan untuk memastikan bahawa orang-orang yang bertujuan untuk memasuki urus niaga ini bagi pihaknya dapat menunaikan ia selaras dengan terma dan syarat ini.

**17.0 LIABILITI BANK**

17.1 Pelanggan akan menanggung rugi Bank sebagai Bank pemungut daripada segala kerugian yang mungkin dialami oleh Bank kerana menjamin endorsan,pembayaran ke atas mana-mana cek, bil, nota, draf, waran dividen atau suratcara lain yang Pelanggan depositkan untuk pungutan dan setiap jaminan yang diberikan oleh Bank akan dianggap sebagai menurut permintaan Pelanggan pada setiap keadaan.

17.2 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan Pelanggan akan menanggung rugi Bank sepenuhnya terhadap sebarang kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin Pelanggan atau Bank tanggung berhubung dengan mana-mana akaun Bank dalam mengikuti arahan atau jika mana-mana akaun Bank atau sebahagian akaun Bank Pelanggan dikurangkan atau dibekukan oleh kerajaan atau pihak berkuasa.

17.3 Pelanggan juga bersetuju apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti bagi/atau di atas permintaan Pelanggan, sebarang dana dan/atau sekuriti dan barang berharga milik Pelanggan yang tersimpan di Bank (samada disimpan sebagai sekuriti, simpanan terjamin atau tujuan tertentu yang lain) ia boleh menjadi cagaran kepada Bank dan Bank berhak untuk menahan kesemua atau sebahagian daripada dana atau sekuriti tersebut, malahan menolak pembayaran cek Pelanggan sehingga liabiliti itu selesai.

**18.0 PELBAGAI**

18.1 Wafiyah akan ditadbir oleh dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan dari semasa ke semasa. IAH bersetuju bahawa perkhidmatan kini dan / atau pada masa yang ditawarkan oleh Bank kepada IAH hendaklah bergantung dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan.

18.2 Bank mempunyai hak untuk mengubah mana-mana atau semua terma dan syarat pada bila-bila masa. Sebarang perubahan tersebut hendaklah disampaikan kepada Pelanggan sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh berkuatkuasa perubahan tersebut. Notis variasi boleh dimaklumkan melalui paparan notis tersebut di premis atau laman web Bank atau diiklankan atau dengan apa-apa cara komunikasi yang lain yang pihak Bank anggap sesuai.

18.3 Jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat peribadi Pelanggan seperti alamat atau maklumat peribadi lain, Pelanggan perlu memaklumkan Bank dengan segera.

ensure that all communications reach to the IAH promptly.

18.4 The Bank shall provide a fund performance report to the IAH on a periodical basis. The format and contents of the fund performance report shall be in such form as may be determined by the Bank.

18.5 In the event that any of the provision in these terms and conditions is invalid, illegal and unenforceable under any applicable law or by any reasons whatsoever, the legality and enforceability of the remaining provisions shall not be affected.

**19.0 LOST AND STOLEN**

19.1 The IAH is required to keep the certificate safely and to immediately report, in writing, of its loss or theft to the Bank. The replacement of lost certificate may be issued against a duly signed and stamped Letter of Indemnity, subject to payment of a stamp duty of RM10 or such other amount as the Bank may determine from time to time.

19.2 Replacement of lost certificate shall only be done at the branch where the Investment Account was opened.

19.3 Replacement of lost certificate will be as per the terms and conditions governing the operations of the certificate.

**20.0 GOVERNING LAW**

These Terms & Conditions shall be subject to, governed by and construed in accordance with laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of Bank Negara Malaysia, and other relevant bodies, in force from time to time.

**WARNING:**
**THE RETURNS ON THIS INVESTMENT ACCOUNT DEPENDS ON THE PERFORMANCE OF THE ALLOCATED ASSETS. THE PRINCIPAL AND RETURNS ARE NOT GUARANTEED AND INVESTMENT ACCOUNT HOLDER RISKS EARNING NO RETURNS AT ALL OR LOSING PART OR THE ENTIRE PRINCIPAL SUM INVESTED. THIS INVESTMENT ACCOUNT IS NOT PROTECTED BY PIDM.**

Makluman ini adalah penting untuk memastikan bahawa semua komunikasi akan disampaikan kepada Pelanggan dengan segera.

18.4 Bank akan memberikan laporan prestasi dana kepada IAH secara tempoh berkala. Format dan isi kandungan laporan prestasi dana dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

18.5 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekalipun, kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.

**19.0 KEHILANGAN DAN KECURIAN**

19.1 Pelanggan perlu menyimpan sijil pelaburan dalam keadaan selamat dan dikehendaki dengan segera melaporkan, secara bertulis, kehilangan atau kecurian kepada Bank. Penggantian sijil pelaburan yang hilang hanya akan dikeluarkan selepas Bank menerima Surat Pelepasan Tanggungan yang telah ditandatangani oleh IAH berserta pembayaran caj setem hasil sebanyak RM10 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

19.2 Penggantian sijil pelaburan yang hilang hanya akan dilakukan di cawangan di mana Akaun Pelaburan dibuka.

19.3 Penggantian sijil pelaburan yang hilang akan dibuat seperti terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir operasi sijil pelaburan tersebut.

**20.0 UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR**

Terma & Syarat ini adalah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, dan badan-badan relevan lain, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

**AMARAN:**
**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET DIPERUNTUKKAN. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MENANGGUNG RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN ATAU MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**